

**PENGLIBATAN KETENTERAAN SALJUQ ERA ALP ARSLAN
(1063-1072) DALAM PERANG MANZIKERT (1071)**

***THE MILITARY INVOLVEMENT OF THE SELJUQ ERA UNDER ALP
ARSLAN (1063-1072) IN THE BATTLE OF MANZIKERT (1071)***

Raja Muhammad Imran Raja Abdul Aziz*

Pusat PERMATA@Pintar Negara,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

Ezad Azraai Jamsari

Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

Adibah Sulaiman

Pusat Pengajian Teras,
Universiti Sains Islam Malaysia,
71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

Noorsafuan Che Noh

Pusat Pengajian Pendidikan,
Dakwah dan Peradaban Islam,
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam,
Universiti Sultan Zainal Abidin,
Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

**Corresponding Author's Email: rajaimran@ukm.edu.my*

Article History:

Received : 17 September 2024

Accepted : 25 November 2024

Published : 26 December 2024

© Penerbit Universiti Islam Melaka

To cite this article:

Aziz, R. M. I. R. A., Jamsari, E. A., Sulaiman, A. & Noh, N. C. (2024). Penglibatan ketenteraan Saljuq era Alp Arslan (1063-1072) dalam Perang Manzikert (1071). *Jurnal 'Ulwan*, 9(2), 115-134.

ABSTRAK

Bertitik tolak daripada kenyataan Schloemer yang menegaskan bahawa Perang Manzikert pada tahun 1071 merupakan peperangan hebat di antara tentera Islam di bawah pimpinan Alp Arslan bertempur dengan tentera Byzantine di bawah pimpinan Maharaja Romanus IV. Kelicikan Alp Arslan memanipulasi strategi pihak lawan menyebabkan tentera Byzantine yang mempunyai ramai tentera dan peralatan mencukupi tewas kepada tentera Islam. Justeru, strategi dan kelicikan Alp Arslan serta tentera Islam menjadi kunci utama kepada kemenangan Kerajaan Saljuq. Berdasarkan kenyataan tersebut, penulisan ini bertujuan untuk mengamati latar belakang Kerajaan Saljuq pada abad ke-11M, mengkaji sejarah politik dan ketenteraan Saljuq era Alp Arslan sebagai pemerintah Kerajaan Saljuq yang masyhur serta menganalisis penglibatan ketenteraan Saljuq pada zaman pemerintahan Alp Arslan khususnya dalam Perang Manzikert. Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kualitatif menerusi reka bentuk kajian sejarah dan analisis kandungan. Bagi kaedah pengumpulan data, maklumat kajian ini dikumpul menggunakan analisis dokumen dengan penelitian terhadap sumber-sumber primer dan sekunder yang relevan. Manakala bagi kaedah penganalisan data, kajian ini selanjutnya menggunakan pendekatan kritikan luaran dan dalaman bersesuaian dengan metode sejarah. Dapatan kajian ini menghujahkan bahawa Alp Arslan menyedari yang angkatan tentera Saljuq di bawah kepimpinannya tidak berupaya untuk mendepani kekuatan tentera Byzantine yang hampir mencecah nisbah 3:1. Oleh yang demikian, beliau memerintahkan agar angkatan tentera berkudanya untuk menggunakan taktik *hit and run* memandangkan jumlah anggota tentera musuh yang begitu ramai namun pergerakan mereka adalah perlahan kerana faktor peralatan perang yang juga banyak.

Kata kunci: Ketenteraan Saljuq; Alp Arslan; Perang Manzikert; ketenteraan Byzantine

ABSTRACT

Building upon Schloemer's assertion that the Battle of Manzikert in 1071 was a significant confrontation between the Muslim forces led by Alp Arslan and the Byzantine army under Emperor Romanus IV, this analysis explores the intricacies of this historic encounter. Alp Arslan's strategic acumen in manipulating the enemy's tactics played a pivotal role in the defeat of the Byzantine forces, despite their superior numbers and adequate military equipment. The deft strategy and tactical prowess of Alp Arslan and his forces were crucial in securing victory for the Seljuq Kingdom. This study aims to provide an in-depth examination of the Seljuq Kingdom's background in the 11th century, the political and military history of the Seljuq era under Alp Arslan as the renowned ruler of the Seljuq Kingdom, and an analysis of the military engagement of the Seljuq forces during his reign, particularly in the context of the Battle of Manzikert. The research adopts a qualitative approach, utilizing historical research design and content analysis. Data collection was conducted through document analysis, focusing on relevant primary

and secondary sources. For data analysis, this study employed both external and internal critique in accordance with historical methodology. The findings of this research argue that Alp Arslan was acutely aware that the Seljuq forces under his leadership were outnumbered by nearly a 3:1 ratio compared to the Byzantine forces. Consequently, he directed his cavalry to employ hit-and-run tactics, leveraging the Byzantine army's numerical superiority and extensive military equipment, which ultimately slowed their movements and rendered them vulnerable.

Keywords: *Seljuq Military; Alp Arslan; Battle of Manzikert; Byzantine Military*

1.0 PENGENALAN

Kedatangan tentera Saljuq di bawah pimpinan Tughril Beg setelah dijemput oleh Khalifah al-Qa'im ke Baghdad dengan mengalahkan serta menghalau golongan Banu Buwayh berjaya memberikan nafas baharu kepada pemerintahan Abbasiyyah setelah selama 110 tahun berada di bawah kekuasaan mereka, bermula daripada Khalifah al-Muti' (945-973), Khalifah al-Ta'i' (973-991), Khalifah al-Qadir (991-1031) hingga Khalifah al-Qa'im (1031-1074). Dengan kejayaan Tughril Beg mengusir Banu Buwayh, beliau dianggap sebagai pengasas Kerajaan Saljuq. Khalifah al-Qa'im pula menyangkakan baginda dapat semula kuasa khalifah, akan tetapi keadaan khalifah masih sama disebabkan Kerajaan Saljuq menaungi tugas-tugas para khalifah Abbasiyyah. Antara khalifah yang kuasa mereka dipengaruhi pemerintahan Kerajaan Saljuq ialah Khalifah al-Muqtadi (1074-1094), Khalifah al-Mustazhir (1094-1118), Khalifah al-Mustarshid (1118-1134), Khalifah al-Rashid bi Allah (1134-1135), Khalifah al-Muktafi (1135-1160), Khalifah al-Mustanjid (1160-1170), Khalifah al-Mustadi' (1170-1179), Khalifah al-Nasir (1179-1225), Khalifah al-Zahir (1225-1226), Khalifah al-Mustansir (1226-1243) dan Khalifah al-Musta'sim (1243-1258). Terdapat pendapat lain yang menyatakan bahawa khalifah yang berada di bawah pengaruh Kerajaan Saljuq bukan sehingga khalifah Abbasiyyah yang terakhir, iaitu Khalifah al-Musta'sim, tetapi hanya sehingga Khalifah al-Mustadi'. Kemudian terdapat empat orang khalifah yang memerintah secara mutlak sehingga kedatangan kaum Mongol melenyapkan Kerajaan Abbasiyyah di bawah pimpinan Hulagu Khan pada tahun 656H/1258M (Dusuki 1975; Daud 2014).

Kerajaan Saljuq merupakan sebuah kerajaan kecil Islam yang sezaman dengan pemerintahan Kerajaan Abbasiyyah di Baghdad, Kerajaan Fatimiyyah di Kaherah, empayar Byzantine di Konstantinopel dan Kerajaan Ghaznawiyyah di Ghazna. Kerajaan Saljuq melebarkan wilayah pemerintahan mereka menerusi pelaksanaan ekspedisi ketenteraan. Antara ekspedisi ketenteraan dan peperangan yang mereka hadapi ialah Perang Dabussiyya (1032), Perang Nasa Plains (1035), Perang Sarakhs (1038), Perang Dandanaqan (1040), Perang Zaranj (1040), Perang Tokharistan (1043), Perang Zaranj (1045), Perang Ganja (1046), Perang Kapetrou (1048), Perang Hupyan (1051), Perang Damghan (1063), Perang Manzikert (1071), Perang Aleppo (1086), Perang Rey (1095), Perang Khabur (1107), Perang Sarmin (1115), Perang Ghazni (1117), Perang Saveh (1119), Perang Myriokephalon (1176) dan Perang Kose Dag (1243) (Bosworth 2015).

Kerajaan Saljuq yang berpusat di Isfahan bertahan selama 116 tahun di bawah sembilan orang pemerintah. Bermula dari pengasasnya, iaitu Tughril Beg (1037-1063) yang mengisytiharkan dirinya sebagai pengasas Kerajaan Saljuq selepas memasuki kota Baghdad. Selepas kewafatan Tughril Beg, legasi pemerintahannya diteruskan pula oleh Suleimen Beg (1063) tetapi wafat dan diambil oleh Alp Arslan (1063-1072), Malik Shah I (1072-1092), Mahmud ibn Malik Shah (1092-1094), Barkiyaruq ibn Malik Shah (1094-1105), Malik Shah II (1105M), Muhammad I Tapar (1105-1118) dan Ahmad Sanjar (1118-1153). Kemudian runtuh Kerajaan Saljuq hanya tinggal sisa pemerintahan Saljuq yang berpecah kepada empat di Hamadan, Kerman, Syria, Dimashq dan Anatolia.

Semasa pemerintahan Alp Arslan (1063-1072), baginda telah memerintah Kerajaan Saljuq dengan baik. Baginda sedar wilayah Kerajaan Saljuq dihimpit oleh tiga kerajaan besar, iaitu Kerajaan Fatimiyah di Kaherah (bahagian selatan), empayar Byzantine di Konstantinopel (bahagian barat) dan Kerajaan Ghaznawiyah di Ghazna (bahagian timur). Mengekalkan hubungan diplomatik di antara kerajaan tertentu membolehkan baginda memfokuskan kepada beberapa bahagian. Akan tetapi pada tahun 1071, Kerajaan Byzantine di bawah pimpinan Maharaja Romanus Diogenese IV telah melanggar perjanjian damai di antara Kerajaan Saljuq dan Kerajaan Byzantine. Maharaja Romanus Diogenese IV menceroobah bahagian utara wilayah Kerajaan Saljuq dan menyerang beberapa daerah menyebabkan respons segera daripada pemerintahan Alp Arslan. Bilangan tentera yang dibawa oleh Maharaja Romanus IV terlalu ramai sehingga mereka yakin dapat melenyapkan tentera Alp Arslan. Akan tetapi dalam peperangan ini, tentera Alp Arslan berjaya mengalahkan pihak musuh. Lebih mengaibkan apabila Maharaja Romanus Diogenese IV berjaya ditawan dan dan juga tercedera.

Justeru, kajian berkenaan kelicikan Alp Arslan dalam menghadapi ketumbukan tentera yang ramai perlu diangkat untuk mencungkil maklumat berkaitan sejarah dan tamadun Islam. Justeru berdasarkan penjelasan tersebut, penulisan ini bertujuan untuk mengamati latar belakang Kerajaan Saljuq pada abad ke-11M, mengkaji sejarah ketenteraan Saljuq era Alp Arslan sebagai pemerintah Kerajaan Saljuq yang masyhur dan menganalisis penglibatan ketenteraan Saljuq pada zaman pemerintahan Alp Arslan khususnya dalam Perang Manzikert. Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kualitatif menerusi reka bentuk kajian sejarah dan analisis kandungan. Bagi kaedah pengumpulan data, maklumat kajian ini dikumpul menggunakan analisis dokumen dengan penelitian terhadap sumber-sumber primer dan sekunder yang relevan. Manakala bagi kaedah penganalisan data, kajian ini selanjutnya menggunakan pendekatan kritikan luaran dan dalaman bersesuaian dengan metode sejarah.

2.0 PEMERINTAHAN KERAJAAN SALJUQ PADA ABAD KE-11M

Masyarakat Saljuq berasal daripada 24 etnik Ghuzz yang menetap di kawasan padang ragut bahagian Turkestan, kini ialah Kazakhstan dan mereka dikenali sebagai etnik Turkoman Ghuzz (Oghuz). Masyarakat Ghuzz ini kemudiannya pernah dikaitkan dengan panglima Hiung-Nu, seorang pahlawan yang pernah menakluk beberapa kawasan di sebelah barat empayar China bermula pada tahun

1200SM. Seterusnya, masyarakat Ghuzz terpaksa berpindah secara paksa apabila maharaja China, Hun-nu mengadakan kempen besar-besaran menangkap dan menghalau semua pendatang haram. Oleh disebabkan itu, masyarakat Ghuzz terpaksa mencari kawasan baru untuk berlindung (Saunders, 1965).

Pada tahun 380H/990M, golongan Saljuq yang berbangsa Turki telah memeluk agama Islam dan mereka menetap di sepanjang Sungai Oxus berhampiran dengan wilayah Bukhara (Uzbekistan). Kemudian, golongan ini mula memasuki wilayah Transoxania dan Khawarizm sebagai tentera upahan bagi kerajaan di wilayah tersebut. Pada akhir abad ke-10M, satu peperangan telah meletus di antara mereka dan puak Kara-Khan. Ketika itu, wilayah Saljuq yang bersebelahan dengan Kerajaan Samaniyyah berganding bahu menyerang Kerajaan Ghaznawiyah sehingga menyebabkan wilayah Khurasan yang dahulunya diperintah oleh Kerajaan Samaniyyah berjaya ditawan semula. Kerajaan Ghaznawiyah terpaksa melupakan ekspedisi untuk menguasai wilayah Khurasan dan menumpukan ekspedisi ke wilayah India (Schnyder, 1973; Hodgson, 1974).

Kejayaan dalam menghadapi Kerajaan Ghaznawiyah di Khurasan menyebabkan Tughril Beg ibn Mikhail telah dilantik sebagai sultan pertama bagi Kerajaan Saljuq. Pelantikan ini telah diiktiraf oleh Kerajaan Samaniyyah sebagai tanda jasa dan terhutang budi kepada masyarakat Saljuq. Pelantikan ini juga secara tidak langsung telah memberi ruang kepada Kerajaan Saljuq untuk menceburi bidang politik. Selain itu, pelantikan Tughril Beg sebagai ketua tentera Turki telah membawa dirinya untuk menubuhkan kerajaan sendiri dan melaksanakan ekspedisi ketenteraan meluaskan wilayahnya. Pada tahun 429H/1038M, Tughril Beg telah mengisytiharkan kerajaan sendiri berpusat di Nishapur (Iran) setelah berjaya menawan wilayah Nishapur dan Merv (Turkmenistan) daripada kekuasaan pemerintahan Kerajaan Ghaznawiyah. Selain itu, wilayah Balkh (Afghanistan), Jurjan (Iran), Tabaristan (Iran), Khwarazm (Uzbekistan), Hamadan (Iran), Rayy (Tehran) dan Isfahan (Iran) turut berjaya dikuasai Kerajaan Saljuq beberapa tahun kemudian (Ibn al-Athir, 1987; Bulliet, 1973; Klausner, 1973).

Selepas melaksanakan ekspedisi menguasai beberapa kawasan dan menstabilkan Kerajaan Saljuq, Tughril Beg telah melantik ahli keluarganya sebagai gabenor di semua wilayah baharu itu serta gabenor tersebut diberi mandat mutlak. Sejarawan menyatakan mandat ini dibuat agar gabenor-gabenor wilayah tersebut dapat menguruskan hal-ehwal wilayah secara bebas tanpa campur tangan daripada mana-mana pihak. Tujuan Tughril Beg melaksanakan dasar tersebut kerana beliau telah merancang untuk memasuki dan melibatkan Kerajaan Saljuq dalam pemerintahan khalifah di kota Baghdad selepas mendapat perkhabaran bahawa istana khalifah Abbasiyyah sedang bergolak. Dengan demikian, Tughril Beg telah mengutuskan sepucuk surat kepada khalifah, iaitu Abu Jafar Abd 'Allah al-Qa'im dengan menyatakan ucapan taat setia Kerajaan Saljuq kepada khalifah serta bersedia menggerakkan angkatan tenteranya jika diperlukan. Disebabkan pemerintahan Kerajaan Abbasiyyah sudah berada di bawah cengkaman kekuasaan Banu Buwayh, Khalifah al-Qa'im telah menjemput Tughril Beg dan tentera Saljuq ke kota Baghdad untuk mengusir golongan Banu Buwayh. Pada tahun 447H/1055M, Tughril Beg bersama tenteranya telah memasuki kota Baghdad, perjalanan mereka menuju ke

Istana Qasr al-Salam telah diiringi oleh *wazir*, pegawai tinggi dan orang kenamaan Kerajaan Abbasiyyah (Ibn al-Athir, 1987).

Setibanya di perkarangan istana, beliau disambut oleh *al-Hajib* (ketua protokol) istana, iaitu al-Hajib Muhammad ibn al-Mansur al-Sakundari dan kemudian terus dibawa menghadap khalifah di balai penghadapan. Khalifah al-Qa'im perkenan untuk mengurniakan tujuh pasang pakaian mewah istana dan sebilah pedang kebesaran kerajaan sebagai tanda menghormati Tughril Beg. Selain itu, Khalifah al-Qa'im telah mengurniakan gelaran besar kepada beliau dengan gelaran *al-Malik al-Mashriq wa al-Maghrib* (Raja Timur dan Barat). Dengan adanya kurniaan dan pemberian dari khalifah, kuasa Tughril Beg semakin berpengaruh dalam kancah politik Kerajaan Abbasiyyah. Dua tugas berat yang perlu diselesaikan oleh Tughril Beg adalah memastikan pengurusan pentadbiran berjalan lancar dan menyelesaikan masalah politik yang masih membelenggu kalangan rakyat di kota Baghdad. Majoriti tentera yang berkhidmat di kota Baghdad masih tunduk kepada ketua panglima Banu Buwayh yang bernama Abu al-Harith al-Basasiri. Beliau banyak merosakkan keharmonian di antara pihak pemerintah dan rakyat kota Baghdad dan dianggap sebagai pembelot dan agen kepada Kerajaan Fatimiyyah di Mesir (Ibn al-Athir, 1987).

Sebelum kedatangan Tughril Beg dan tenteranya di Baghdad pada tahun 447H/1055M, mereka dikhabarkan al-Basasiri telah menghilangkan diri ke wilayah Mosul (Iraq). Di sana, beliau berjaya mempengaruhi penduduk tempatan, khususnya golongan berfahaman Syiah untuk menentang Kerajaan Abbasiyyah dan menyokong agar gelaran khalifah dipindahkan kepada Kerajaan Fatimiyyah. Mereka mendakwa Kerajaan Fatimiyyah adalah layak untuk memimpin dan menerajui pemerintahan Islam kerana keturunan mereka berasal daripada jalur keluarga Nabi Muhammad SAW. Selepas mendapat perkhbaran ini pada tahun 450H/1058M, Tughril Beg membawa angkatan tenteranya memasuki wilayah Mosul bagi memadamkan pemberontakan ini. Semasa peperangan meletus, al-Basasiri berjaya dibunuh dan kepalanya telah dibawa kepada pihak khalifah (Ibn Kathir, 1998; 'Abd al-Na'im, 1970).

Kepulangan dan kejayaan Tughril Beg menumpaskan pemberontakan telah diraikan oleh khalifah dan rakyat Islam dengan penuh kemeriahan. Justeru, Khalifah al-Qa'im telah mengurniakan sekali lagi kepada Tughril Beg dengan gelaran *Yamin Amir al-Mu'minin* atas jasanya menewaskan al-Basasiri. Pada masa yang sama, segala urusan pentadbiran Kerajaan Abbasiyyah telah diisi oleh golongan Kerajaan Saljuq keseluruhannya. Tetapi khalifah tetap selesa dengan Kerajaan Saljuq kerana mereka menganut mazhab yang sama, iaitu Sunni. Selepas itu, Kerajaan Saljuq memulakan gerakan membasmi segala fahaman Syiah yang masih terdapat dalam kalangan rakyat di wilayah Kerajaan Abbasiyyah (Ismail, 2001).

Selepas memonopoli pemerintahan Kerajaan Abbasiyyah, golongan Saljuq memfokuskan bidang pentadbiran sebagai aspek terpenting bagi mengekal dan menstabilkan mereka dalam Kerajaan Abbasiyyah. Antara langkah terawal yang mereka laksanakan adalah dengan menyatupadukan masyarakat dan mewujudkan kembali kempen kebangkitan Sunni. Kempen ini berjaya mengekang dan mengeluarkan fahaman Syiah yang berkembang pesat semasa kewujudan Bani Buwayh. Selain itu, mereka juga memastikan sistem pentadbiran yang lebih

sistematik dan sesuai dengan prinsip-prinsip ideologi Islam supaya golongan Saljuq terus disokong oleh setiap lapisan masyarakat di bawah pemerintahan Kerajaan Abbasiyyah (Klausner, 1973).

Kerajaan Saljuq telah memperkenalkan tiga dasar dan polisi bersistematik pada awal penguasaan ke atas Kerajaan Abbasiyyah. Pertama, menubuhkan institusi sultan yang merupakan satu mekanisme baru dalam sektor pentadbiran Kerajaan Abbasiyyah bagi mengendalikan urusan pentadbiran secara lebih berkesan kerana ia tidak tertakluk di bawah kuasa khalifah. Kewujudan institusi sultan ini bertujuan untuk meringankan tanggungjawab khalifah dalam urusan mengurus kerajaan. Kedua, menyelaraskan organisasi kerajaan dan institusi agama. Menerusi penyelarasan ini dapat membezakan di antara fungsi kesultanan dan khalifah. Ini disebabkan pihak sultan bertindak sebagai ejen pentadbiran politik dan ketenteraan. Khalifah pula sebagai ketua institusi agama. Justeru, khalifah diberi kuasa penuh untuk melantik *qadi al-qudat* (ketua hakim) dan *wazir*. Ketiga, mengawal sistem pendidikan baru. Dalam menuntut pengesahan rasmi terhadap khalifah dan sultan sebagai ketua institusi politik, Kerajaan Saljuq cuba untuk memperkukuh kedudukan mereka dengan membersihkan nama baik khalifah yang banyak dicemari oleh *amir* (pengasas) Banu Buwayh dan kesultanan Ghaznawiyyah sebelum ini kerana memberi kesan buruk terhadap khalifah Kerajaan Abbasiyyah (Ismail, 2001; Wan Hamdi, 2014).

Akan tetapi, kegemilangan yang dicapai oleh Kerajaan Saljuq hanya seketika sahaja, iaitu dalam tempoh setengah abad pertama pemerintahan mereka, khususnya di bawah pemerintahan tiga orang sultan, iaitu Tughril Beg (431-455H/1040-1063M), Alp Arslan (455-464H/1063-1072M) dan Malik Shah I (465-485H/1073-1092M). Sungguhpun kegemilangan Kerajaan Saljuq dikaitkan kepada ketiga-tiga tokoh tersebut, namun nama Nizam al-Mulk juga dikaitkan dengan kejayaan dalam aspek pembangunan dan pendidikan dalam Kerajaan Saljuq. Beliau telah dilantik sebagai *wazir* kepada Alp Arslan dan Malik Shah I. Selain itu, beliau bukan sahaja dapat menangani pergelutan yang berlaku dalam Kerajaan Abbasiyyah, tetapi berjaya meningkatkan pembangunan dan kemajuan di seluruh wilayah Islam. Pada zaman beliau, banyak hospital dan institusi pengajian berjaya ditubuhkan di semua wilayah bagi memberi kemudahan asas kepada masyarakat ketika itu. Sumbangan terbesar beliau dalam tamadun Islam dan Kerajaan Saljuq ialah dengan menubuhkan antara institusi pengajian yang paling masyhur dan diiktiraf sebagai universiti pertama di dunia, iaitu Madrasah al-Nizamiyyah (Klausner, 1973; Hitti, 1972; Wan Hamdi, 2014).

Selepas zaman kecemerlangan Kerajaan Saljuq, kerajaan tersebut mula dilihat menghadapi pelbagai masalah dalaman dan luaran. Antara masalah dalaman dan luaran yang dihadapi ialah: pertama, kecenderungan mereka untuk memisahkan diri daripada kerajaan pusat ke atas wilayah-wilayah jajahannya dianggap kurang berjaya; kedua, berlaku perbalahan antara sesama pemimpin Kerajaan Saljuq di wilayah Iraq, Syria dan Parsi berikutan kematian Malik Shah kerana anak-anaknya, iaitu Ghiyath al-Din Muhammad I dan Mu'izz al-Din Sanjar mula menimbulkan kekacauan dalam perebutan kuasa; ketiga, berlaku asimilasi kaum Badwi Turki dalam masyarakat Kerajaan Saljuq; keempat, kewujudan semula penentangan kaum Syiah Isma'iliyyah yang digelar al-Hashashun; kelima, penentangan tentera

Byzantine yang beragama Kristian; keenam, khalifah Kerajaan Abbasiyyah mula bertindak untuk mengembalikan semula kuasa khalifah; dan ketujuh, pertelagahan antara khalifah dengan Atabeg, iaitu ketua panglima Kerajaan Saljuq. Walau bagaimanapun, Kerajaan Saljuq di Anatolia masih mampu bertahan hingga ke penghujung abad ke-8H/14M, namun kejatuhan Kerajaan Saljuq di Baghdad telah memberi implikasi yang amat besar terhadap survival Kerajaan Abbasiyyah itu sendiri. Para khalifah Kerajaan Abbasiyyah ternyata tidak mampu untuk menguruskan kerajaan mereka secara lebih berkesan (Mahayudin & Ahmad Jelani, 1993).

3.0 SEJARAH POLITIK DAN KETENTERAAN SALJUQ ERA ALP ARSLAN

Nama sebenar Alp Arslan ialah Muhammad ibn Chaghri Beg Dawud. Gelaran Alp Arslan telah diberikan oleh seorang lelaki, iaitu Jughri Beg Da'ud ibn Saljuq dan juga pakciknya, Tughril Beg. Beliau dilahirkan pada tahun 420H/1029M. Bapanya pula ialah Chaghri Beg Dawud, iaitu gabenor pertama di Khurasan yang jawatan ini telah diberikan oleh saudaranya, iaitu Tughril Beg selepas menubuhkan Kerajaan Saljuq di Iraq dan Iran. Manakala ibunya tidak dapat dikenal pasti kerana tiada catatan yang ditemui. Alp Arslan telah dikurniakan tiga orang anak, antaranya ialah Malik Shah I dan Tutush I. Datuknya pula bernama Mikhail, pernah menjadi ketua bagi satu daripada etnik di Turki. Alp Arslan telah berkahwin sebanyak dua kali, antara isterinya ialah Aka Khatun (puteri kepada Kerajaan Kara-Khanid dan sepupu kepada Bagrat IV, pemimpin Georgia). Tarikh kelahiran Alp Arslan tidak dicatatkan tetapi terdapat sumber mengatakan beliau dilahirkan ketika bapanya dan Tughril Beg sedang dalam pertempuran dengan pemerintah Kara-khanid, iaitu Alitigin di Bukhara. Alp Arslan banyak menghabiskan usia remajanya di Balkh. Bapanya dan tentera Saljuq mempertahankan wilayah daripada percubaan Kerajaan Ghaznawiyah yang mahu menuntut semula wilayah mereka (Hasan, 2011).

Alp Arslan mula mengetuai tentera Saljuq memerangi tentera Ghaznawiyah pada tahun 435H/1043M di Fasa (sebuah wilayah di Iran) tanpa pengetahuan bapa saudaranya, Tughril Beg. Serangan ini sepatutnya diketuai oleh bapanya tetapi tidak dapat diteruskan kerana masalah kesihatan, bapanya meminta dan meyakini akan kemampuan Alp Arslan untuk mengetuai serangan tersebut. Ketika di akhir pemerintahan bapanya, aktiviti ketenteraan telah diserahkan kepada Alp Arslan dan saudaranya, iaitu Yaquti dan Qavord (Luther, 2012; Hasan, 2012).

Kekalahan tentera Ghaznawiyah kepada tentera Saljuq di bawah pimpinan Alp Arslan telah memberi tamparan hebat kepada kerajaan tersebut. Ini disebabkan mereka telah mengeluarkan perbelanjaan yang besar untuk mengambil semula wilayah dari kekuasaan Saljuq tetapi tidak berjaya. Dengan demikian, Kerajaan Ghaznawiyah terpaksa melupakan hasrat mereka dan mula berfokus ke wilayah di sebelah India. Kejayaan Alp Arslan memimpin tentera Saljuq telah menjadikan wilayah kerajaan tersebut semakin berkembang apabila wilayah Balkh, Tirmidh, Tukharistan, Qubadhiyan, Wakhsh dan Walwalij berjaya dikuasai. Alp Arslan banyak mengasah kepimpinan dalam ketenteraan dengan mengetuai ekspedisi menguasai wilayah Kerajaan Ghaznawiyah di sebelah Timur bersama bapanya

yang merupakan seorang gabenor. Selain itu, Alp Arslan juga pernah menggalas tanggungjawab sebagai gabenor selepas bapanya gering dan tidak sihat. Beliau telah menawarkan perdamaian dengan Kerajaan Ghaznawiyah selepas menjadi gabenor untuk menstabilkan wilayah di bawah kekuasaan kuasa beliau (Luther, 2012).

Pada September 455H/1063M, pemerintah Kerajaan Saljuq iaitu Tughril Beg telah meninggal dunia ketika dalam perjalanan dari Tabriz setelah selesai menghadiri perkahwinan anak perempuan khalifah menuju ke kota Rayy. Sejarawan menyatakan beliau telah mengalami pendarahan hidung yang sangat teruk. Disebabkan mengalami penyakit haemofilia, beliau telah meninggal dunia ketika berusia 70 tahun di Qasran-i-Biruni sebuah kawasan pinggiran kota Rayy. Disebabkan ketiadaan pemerintah Kerajaan Saljuq selepas kewafatan Tughril Beg, *wazirnya* iaitu Amid al-Mulk al-Kunduri memaklumkan bahawa Tughril Beg memberitahu beliau supaya menjadikan Sulayman (anak kepada Chaghri Beg) sebagai pemerintah selepas beliau. Ramai para Amir antaranya Erdem (*al-hajib*) yang tidak menyokong dengan keputusan ini kerana Sulayman dikatakan masih lagi kecil dan mentah untuk menerajui sebuah kerajaan. Orang ramai dan para Amir cenderung untuk memilih Alp Arslan sebagai pemerintah Kerajaan Saljuq. Setelah diselidik, sebenarnya al-Kunduri telah menipu dengan mengatakan Sulayman akan menjadi pengganti kepada Tughril Beg. Pada masa yang sama, tatkala perkhawaran kemangkatan Tughril Beg tersebar Alp Arslan segera bertolak menuju ke kota Rayy bagi memberi penghormatan kepada Tughril Beg (Islam, 2012).

Pada tahun 455H/1063M, dikatakan selepas perkhawaran kemangkatan Tughril Beg, Qutalmish juga sedang mara menuju ke kota Rayy untuk merampas takhta sebagai pemerintah Kerajaan Saljuq dengan bantuan al-Kunduri. Akan tetapi, al-Kunduri telah membelot Qutalmish dan berpaling tadah kepada Alp Arslan. Qutalmish juga merupakan keturunan dari kaum Seljuq dan seorang pemimpin wilayah Konya, Aksaray dan Malata. Beliau telah memberontak dan mengumpulkan bala tentera yang ramai untuk menyerang kota Rayy. Disebabkan jarak di antara Qutalmish lebih dekat dengan kota Rayy, beliau tiba dahulu sebelum kedatangan Alp Arslan. Perkhawaran ini telah tersebar kepada Alp Arslan sebelum beliau bertolak ke kota Rayy, lalu beliau menyiapkan bala tentera bagi menghadapi tentera pakciknya. Angkatan tentera Qutalmish dikatakan kuat kerana mereka telah mengalahkan tentera al-Kunduri di kota Rayy dan al-Hajib Erdem di Dihinemek. Setibanya Alp Arslan di Damghan, beliau menghantar utusan supaya pakciknya, Qutalmish mengundurkan diri dari kota Rayy. Selain itu, beliau juga mengingatkan tentang hubungan baik di antara mereka sebelum ini, namun tidak diendahkan tawaran perdamaian berkenaan. Qutalmish telah menghancurkan kampung sekitar kota Rayy menyebabkan Alp Arslan sukar untuk menyerang. Pada 4 September 1063, tercetusnya Perang Damghan di antara Alp Arslan menentang Qutalmish. Semasa serangan dilancarkan Nizam al-Mulk telah membantu Alp Arslan dengan membawa tentera veteran untuk mengalahkan Qutalmish. Ketika Qutalmish melihat tenteranya hampir tewas, beliau telah cuba untuk melarikan diri ke kota Girdkuh. Sarjana menyebut Qutalmish telah tersungkur dari kudanya ketika cuba untuk mendaki gunung lalu menyebabkan beliau telah meninggal dunia. Selepas peperangan tamat, Alp Arslan diberitahu oleh tenteranya bahawa Qutalmish telah meninggal dunia. Berita ini menyebabkan beliau sangat sedih dan menangis

meratapi kematian pakciknya. Anak Qultamish bernama Sulayman ditangkap kemudian dibawa ke tempat buangan selepas mendapat keampunan daripada Alp Arslan (Luther, 2012; Islam, 2012).

Selepas kemenangan Alp Arslan di Perang Damghan sebelum ini, beliau telah memasuki kota Rayy dengan aman. Pada April 1064, beliau ditabalkan sebagai sultan di kota Rayy ketika berusia 36 tahun. Al-Kunduri sebelum ini berhajat untuk menabalkan Sulayman sebagai sultan tidak kesampaian kerana beberapa faktor yang telah dijelaskan sebelum ini, namun beliau telah mengarahkan supaya setiap kali khutbah di kota Rayy perlu menyebut nama Sulayman selepas Alp Arslan. Alp Arslan telah melantik Hasan ibn 'Ali yang lebih dikenali sebagai Nizam al-Mulk menjadi *wazirnya*. Kemudian beliau telah memindahkan ibu kota Kerajaan Saljuq ke kota Isfahan. Pada masa yang sama, beliau telah mengarahkan supaya al-Kunduri ditangkap dan kemudian dihantar ke penjara di Marv al-Rudh pada 10 Januari 1064 kerana telah mencetuskan kemarahan khalifah dengan memaksa Puteri Ba'quba (anak perempuan khalifah) berpindah dari Baghdad ke Rayy semasa pemerintahan Tughril Beg. Alp Arslan juga meminta Aytegin al-Sulaymani untuk mengiringi anak perempuan khalifah pulang ke istana Baghdad. Semasa Aytegin al-Sulaymani tiba di Baghdad, beliau telah menyampaikan pesanan Alp Arslan supaya khutbah di Baghdad disebut nama beliau. Selain itu, atas menerima dan mengiktiraf kedudukan Alp Arslan sebagai pemerintah Kerajaan Saljuq selepas Tughril Beg, beliau telah mengisytihar Alp Arslan di perhimpunan awam pada 27 Mei 1064. Pada bulan Disember 1064, al-Kunduri pula ditahan sehingga beberapa bulan kemudiannya beliau telah dihukum bunuh.

Alp Arslan telah memperkasa Kerajaan Saljuq dengan menguasai beberapa wilayah di sekitarnya seperti wilayah Khatlan, Herat dan Saghaniyan. Pada awal tahun 456H/1064M, Alp Arslan memulakan ekspedisi dengan membawa tentera yang ramai bertujuan untuk menguasai wilayah Byzantine dengan menuju ke arah Marand, sebuah bandar kecil di wilayah Azerbaijan. Kempen ketenteraan ini mendapat bantuan daripada seorang amir di wilayah Turkoman, iaitu Tughtegin dan beliau menyarankan agar Alp Arslan menyediakan bot untuk menyerang wilayah Georgia melalui laluan laut. Kekuatan dan kelicikan strategi tentera Saljuq bukan sahaja bergantung kepada keputusan Alp Arslan, akan tetapi beliau dibantu oleh anaknya, iaitu Malik Shah I dan *wazirnya*, Nizam al-Mulk. Serangan telah dilakukan ke atas wilayah Armenia di kota Miryam Nashin, sebuah kota yang maju dipenuhi dengan penduduk beragama Kristian. Bagi menawan kota ini, peralatan yang mencukupi diperlukan kerana kota ini dibentengi dengan kubu yang tinggi dan kukuh. Tentera Saljuq diketuai oleh Malik Shah I dan Nizam al-Mulk berjaya melepasi tembok kota tersebut. Semasa kesibukan tentera menyerang, Alp Arslan telah menyertai angkatan tentera anaknya sehingga kejayaan berjaya dicapai. Selepas menawan kota Miryam Nashi, Alp Arslan meneruskan ekspedisinya menuju ke kota Sudidh Shahr. Pertempuran di kota Sudidh Shahr sangat sengit dan berjaya dikuasai namun mengakibatkan ramai tentera Saljuq syahid. Seterusnya Alp Arslan menuju ke arah utara, iaitu ke kota Axalk'alak'i. Kota tersebut diberitakan mempunyai bentang yang tinggi serta dikelilingi sungai. Alp Arslan telah memerintahkan tenteranya untuk membina jambatan di atas sungai. Setelah tenteranya dapat menyeberangi sungai tersebut mereka diasak oleh tentera Georgia

yang mengawal kota tersebut. Pada awalnya tentera Saljuq hampir tewas kepada musuh, tetapi mereka berjaya mengasak sehingga kemenangan tercapai. Alp Arslan berjaya menawan kota tersebut pada pertengahan tahun 456H/1064M (Luther, 2012; Hasan, 2011).

Selanjutnya Alp Arslan meneruskan kempenya menuju ke kota Ani (kini dikenali sebagai Kars), merupakan sebuah kota yang kaya dan mempunyai kelengkapan sekiranya kota tersebut dikepung oleh musuh dari luar. Ketika pengepungan dibuat, Alp Arslan terpaksa mencari jalan untuk menembusi kota ini dengan menggerakkan tenteranya untuk memanjat tembok kota selepas perjanjian perdamaian tidak disepakati. Hasil daripada serangan ke atas kota ini menyebabkan ramai terkorban dalam kalangan tentera Saljuq dan tentera Byzantine yang bertahan dalam kota tersebut. Pada masa yang sama, Alp Arslan berjaya memperoleh harta rampasan dari kota tersebut dalam jumlah yang besar. Setelah perjanjian perdamaian dibuat, pemimpin kota Ani bersetuju untuk membayar ufti kepada Kerajaan Saljuq pada setiap tahun (Islam, 2012).

Setelah beberapa tahun menggerakkan misi untuk meluaskan wilayah Kerajaan Saljuq, pada tahun 458H/1065M Alp Arslan telah menamakan puteranya, Jalal al-Din Malik Shah I sebagai pengganti beliau. Di kesempatan tersebut, beliau telah menganugerahkan jubah kehormatan kepada para pembesar Kerajaan Saljuq. Nama Malik Shah I juga disebut dalam setiap kali khutbah. Selain itu, Alp Arslan membahagikan wilayah-wilayah kepada beberapa orang yang dilantik, antaranya ialah kawasan Mazandaran diserahkan kepada Amir Inanj, kawasan Balkh diserahkan kepada Sulayman ibn Daud Chaghri Beg, wilayah Khawarizm kepada Arslan Arghun, wilayah Marv kepada Arslanshah, wilayah Saghaniyan, Tukharistan dan sekitarnya kepada Ilyas Baghshur dan Masud ibn Irtash serta wilayah Asfazar kepada Mawdud ibn Irtash. Pada tahun 459H/1066M, Alp Arslan terpaksa menghadapi pemberontakan daripada pemerintah wilayah Kirman, iaitu Qara Arslan, yang memberontak kerana Alp Arslan telah menghapuskan namanya daripada khutbah. Apabila Alp Arslan mendengar perkhabaran ini, beliau menuju ke Kirman bersama bala tenteranya. Setibanya di sana, tentera beliau mengalahkan pengawal yang melindungi kota tersebut. Sebaik sahaja Qara Arslan menerima berita pengawalnya telah dikalahkan oleh tentera Alp Arslan, beliau melarikan diri ke Jiruft dan pada masa yang sama menghantar utusan agar Alp Arslan menerima pengampunan Qara Arslan. Alp Arslan menerima pengampunan daripada Qara Arslan serta mengurniakan lagi hadiah yang bernilai serta jubah. Selepas keadaan pulih, Alp Arslan telah memecat Qara Arslan daripada jawatan gabenor dan menggantikan kepada orang lain serta-merta (Islam, 2012).

Pada tahun 1071, Alp Arslan telah menempa nama dalam sejarah dunia kerana beliau perlu menghadapi serangan besar daripada Kerajaan Byzantine yang memasuki wilayah Islam melalui Anatolia. Tujuan utama Maharaja Romanus Diogenes IV membawa bala tentera yang ramai adalah untuk menawan Jerusalem dan menghapuskan khalifah Islam yang berada di Baghdad. Setibanya Romanus IV di kota Ani, Alp Arslan dan bala tenteranya hampir tiba untuk mengekang kemaraan mereka lebih pedalaman lagi di wilayah Islam. Perang Manzikert merupakan sebuah peperangan paling besar yang berlaku pada abad itu dan perang ini dibincangkan dalam topik seterusnya dalam penulisan ini.

Pengakhiran hidup Alp Arslan diakhiri dengan tikaman oleh seorang panglima dari Kota Berzem, iaitu Yusuf al-Khawarizmi yang menyebabkan dirinya rebah dan mengalami kecederaan yang sangat kritikal. Sebelum nafas terakhir, beliau sempat berwasiat supaya Malik Shah, iaitu anak beliau untuk menggantikannya. Alp Arslan menghembuskan nafas terakhirnya pada 24 November 1072 dan selamat dikebumikan di kota Marv. Beliau telah memerintah Kerajaan Saljuq selama sembilan tahun dan antara sumbangan terbesar beliau bagi Kerajaan Saljuq adalah menewaskan tentera Rom yang dipimpin oleh Romanus IV dalam Perang Manzikert pada tahun 1071. Pemergian Alp Arslan diratapi oleh orang Islam setelah usaha beliau dalam mempertahankan Islam dalam Perang Manzikert berkenaan sehingga dikhabarkan sekiranya Kerajaan Saljuq tewas dalam peperangan tersebut akan menyebabkan semakin banyak lagi wilayah yang bakal jatuh ke tangan kekuasaan Kristian. Tatkala berita kematian Alp Arslan tersebar, pelbagai ucapan takziah diterima oleh Kerajaan Saljuq. Pasar-pasar di Baghdad ditutup bagi meratapi pemergian Alp Arslan. Isteri Khalifah juga pada masa tersebut, iaitu Arslan Khatun yang juga adik kepada Alp Arslan telah berkabung dan meratapi pemergian abangnya dengan duduk di lantai selama tujuh hari. Ini membuktikan ketokohan Alp Arslan tidak boleh dinafikan lagi dan pemergian beliau memberi tamparan hebat kepada pemerintahan Islam lain yang terdapat pada masa tersebut (Kesik, 2014; Hasan, 2012).

4.0 ALP ARSLAN DAN PENGLIBATAN KETENTERAAN SALJUQ DALAM PERANG MANZIKERT 1071

Wilayah Kerajaan Saljuq berhampiran dengan beberapa kerajaan lain seperti Kerajaan Byzantine yang berpusat di Konstantinopel dan Kerajaan Fatimiyah di Mesir. Selepas Kerajaan Saljuq berjaya menguasai tampuk pemerintahan Khalifah di Baghdad pada zaman pemerintahan Tughril Beg, beliau telah menambah baik beberapa dasar dan polisi dalam pemerintahan Kerajaan Abbasiyyah. Selepas kemangkatan Tughril Beg, Alp Arslan pula menaiki takhta kedua dalam Kerajaan Saljuq. Pada tahun 1063, beliau telah memfokuskan untuk meluaskan wilayah Kerajaan Saljuq dengan melancarkan jihad memerangi wilayah Kristian secara besar-besaran. Antara kerajaan yang terkesan dengan pembukaan ini ialah seperti Kerajaan Byzantine. Banyak kota yang telah dibuka oleh Kerajaan Saljuq seperti kota di wilayah Azerbaijan, Kyrgystan dan Armenia. Disebabkan wilayah Kerajaan Saljuq semakin berkembang luas dan hampir memasuki wilayah Anatolia, Kerajaan Byzantine mengambil langkah untuk merampas semula kota-kota yang telah diambil oleh Kerajaan Saljuq.

4.1 Rentetan Sejarah Sebelum Peperangan Meletus

Romanos IV Diogenes telah dipilih sebagai maharaja Byzantine menggantikan Constantine Doukas selepas kematiannya pada tahun 1068. Romanos dikatakan seorang pahlawan perang berpengalaman yang pernah mengetuai dua kali kempen ketenteraan menghadapi Kerajaan Saljuq. Dalam dua pertembungan tersebut, beliau berjaya mengalahkan Kerajaan Saljuq pada tahun 1068 dan juga 1069. Kali ini,

beliau telah mempersiapkan bala tenteranya yang ramai untuk memasuki wilayah Islam bagi menakluk semula kota-kota yang telah diambil oleh Kerajaan Saljuq. Selain itu, beliau juga bermatlamat untuk menghapuskan Kerajaan Saljuq dan menubuhkan pula dinasti Imperial Diogenes bagi mengambil alih dinasti Dukas. Pemerintah Rom, iaitu Romanus atau Armanus telah keluar bersama 100,000 anggota tentera Rom, Frank, Saxon, Rus, Pechenegs dan Kurkh dari setiap kawasan di bawah pemerintah Rom menuju ke wilayah Islam. Pada tahun 463H, Ibn Kathir meriwayatkan bahawa pemerintah Rom, iaitu Armanus telah mengumpulkan ibarat sebuah gunung manusia dari pelbagai bangsa, iaitu dari bangsa Rom, Kurkh dan Frank, 3,500 Patriach, 1,000 hingga 5,000 tentera berkuda, 35,000 Frank, 10,000 Ghazi, 100 Rosjari, 400 kelengkapan perang, perisai, kasut dan peralatan serta 1,000 pedang, anak panah, manjaniq kecil dan manjaniq. Besarnya manjaniq memerlukan 1,000 lelaki untuk membawanya. Mata-mata (atau pengintip) yang dihantar oleh Romanus IV, iaitu Leo Diabatenus melaporkan bahawa tentera Saljuq berada dalam keadaan yang sangat lemah dan takut. Pada masa yang sama, Romanus berasa sangat risau tatkala beliau memimpin tenteranya menuju ke wilayah Islam akan mengakibatkan rampasan kuasa. Oleh yang demikian, John Dukas telah memberi sumpah setianya kepada pemerintahan Romanus IV. Setelah beberapa acara dilaksanakan seperti berdoa dan mengharap kepada tuhan, tentera Byzantine telah dikerah secara berperingkat melalui beberapa jalan yang berasingan menuju ke Theodosiopolis (Ibn Kathir, 1998; Ibn al-Athir, 1987; Vratimos, 2019; Deluigi, 2015).

Berita pergerakan bala tentera Byzantine telah sampai kepada pengetahuan Alp Arslan semasa beliau sedang membuat pengepungan ke atas kota Aleppo. Pada awalnya Alp Arslan mengandaikan tentera tersebut menuju ke kawasan lain, namun apabila utusan beliau memaklumkan tentera tersebut hendak menuju ke Armenia, beliau menganggap Romanus IV telah melanggar perjanjian gencatan senjata yang dibuat sebelum ini dan mengisytiharkan perang ke atas wilayah Islam. Alp Arslan telah menawarkan kepada pemimpin kota Aleppo untuk mengiktiraf Kerajaan Saljuq bagi mengelakkan pertumpahan darah dan tawaran ini dipersetujui. Manakala pendapat lain pula menyebut beliau telah menyerah tugas untuk mengambil kota Aleppo kepada seorang daripada anaknya (Nicolle, 2013; Zaporozhets, 2012).

Pada 26 April 1071, Alp Arslan dikhabarkan telah meninggalkan kota Aleppo bersama 15,000 hingga 20,000 tentera berkuda dan 4,000 tentera *ghulam*. Bilangan ini tidak mencukupi untuk mendepani bala tentera Byzantine yang sedang bergerak menuju ke wilayah Islam. Tambahan pula, sebanyak 4,000 orang tentera telah diarahkan untuk pulang kerana keletihan dalam ekspedisi sebelum ini. Alp Arslan dan tenteranya telah bertolak melalui laluan yang jarang digunakan untuk mengelakkan kedatangan mereka diketahui oleh Romanus IV. Sepanjang perjalanannya ke sana, beliau dan Nizam al-Mulk mengambil kesempatan untuk mengumpul tentera baharu dari kota dan perkampungan yang dilalui untuk menyertai mereka. Alp Arslan dan tenteranya mengambil keputusan untuk berehat seketika di kawasan lapang di antara Khoy dan Salmas. Semasa berehat, tentera-tentera baharu mula datang dan dikumpul semasa melalui kawasan Tabriz, Hamadan, Isfahan dan Baghdad. Kemaraan tentera Byzantine menjadi ancaman dan menimbulkan kebimbangan di seluruh wilayah pemerintahan Islam. Khalifah di Baghdad memerintahkan agar seluruh wilayah Islam untuk menyebut dan

mendoakan kejayaan Alp Arslan dan tenteranya dalam khutbah Jumaat (Nicolle, 2013; Zaporozhets, 2012).

Bala tentera yang ramai memerlukan banyak persediaan yang perlu dilakukan bagi memastikan ekspedisi ketenteraan berjaya mencapai tujuan yang dirancang. Setibanya tentera Byzantine ke Theodosiopolis, barisan tentera Byzantine mula berhadapan dengan masalah yang timbul apabila tidak mempunyai bekalan makanan yang mencukupi untuk angkatan tenteranya. Selain itu, Romanus IV masih lagi tidak mengetahui bahawa Alp Arslan sudah berada berhampiran dengan mereka kerana perisik Byzantine melaporkan Alp Arslan telah melarikan diri selepas mengepung kota Aleppo ke Baghdad kerana takutkan berita kehadiran bala tentera Byzantine. Ini membuatkan beliau lebih yakin untuk meneruskan misinya. Setelah beberapa waktu merancang di Theodopolis, tentera Byzantine telah bergerak ke arah timur untuk mengambil semula kota-kota yang telah diambil Kerajaan Saljuq. Di barisan tentera Saljuq pula, setiap pergerakan dan perancangan tentera Byzantine dapat diketahui oleh Alp Arslan kerana beliau mempunyai beberapa perisik. Sekumpulan tentera daripada kota Ahlat dan Manzikert telah keluar daripada kota menuju ke Khoy untuk menyertai tentera Saljuq yang berkumpul di sana. Kini tentera Saljuq mempunyai 15,000 tentera berkuda dan 5,000 tentera infantri veteran (Nicolle, 2013).

Pada 24 Ogos 1071, Alp Arslan bersama tenteranya menerima khabar yang kota Manzikert telah ditawan oleh Romanus IV yang tiba lebih awal. Oleh yang demikian, beliau memutuskan untuk mendirikan perkhemahan di lereng bukit Suphan Da (kira-kira 80km dari kota Manzikert). Ketika Romanus IV menguasai kota Manzikert, beliau mengarahkan tentera dan penduduk di sana untuk membaiki kota tersebut secepat mungkin bagi menghadapi sebarang bentuk serangan. Pada masa itu, ramai tentera Byzantine sudah mula bosan dan tidak mendapat bekalan makanan yang mencukupi. Dilaporkan oleh pencatat Byzantine, seorang tentera dihukum dipotong hidungnya kerana mencuri keldai. Selain itu, beberapa kumpulan yang ditugaskan daripada kalangan tentera Byzantine untuk mencari makanan telah diserang hendap oleh para pengawal tentera Saljuq. Kini Romanus IV menyedari bahawa para peninjauanya telah silap memberi maklumat berkenaan respons tentera Saljuq berkenaan ekspedisinya, apabila beliau mengetahui berkenaan kedatangan Alp Arslan bersama tenteranya (Nicolle, 2013).

4.2 Figura Pemimpin Dalam Ketenteraan Saljuq

Nizam al-Mulk merupakan seorang sarjana dan ahli politik Parsi yang berkhidmat sebagai *wazir* kanan kepada Alp Arslan dan Malik Shah I. Beliau dilahirkan di Nishapur dan mula berkhidmat di bawah gabenor Chaghri Beg (bapa Alp Arslan). Kebijaksanaan Nizam al-Mulk sangat ditagih dalam Kerajaan Saljuq terutama dalam bahagian pentadbiran kerajaan. Nizam al-Mulk juga menulis karya *Siyasatnama* yang menjadi karya agung kepada corak pentadbiran Kerajaan Saljuq.

Sav Tekin merupakan pegawai yang berkhidmat kepada Alp Arslan. Walaupun kurang maklumat berkenaan beliau tetapi terdapat beberapa catatan berkenaan peribadinya. Beliau pernah mengetuai golongan elit, iaitu *ghulam*. Selain itu, beliau pernah juga menyertai ekspedisi membuka wilayah di Georgia bersama

Nizam al-Mulk pada tahun 1068. Semasa Perang Manzikert, beliau menjadi komander tentera termasuk tentera *ghulam* dan memainkan beberapa peranan sebelum serta semasa perang berlangsung (Dusuki, 1975).

4.3 Figura Pemimpin dalam Ketenteraan Byzantine

Nikephoros Bryennios merupakan panglima perang bersama Romanus IV, yang berasal daripada keluarga bangsawan di Byzantine. Beliau merupakan anak kepada panglima perang Kerajaan Byzantine sebelum ini. Bryennios amat berpengalaman luas dalam medan pertempuran hingga dianggap sebagai antara panglima taktikal perang terbaik dalam tentera Byzantine. Dalam Perang Manzikert, beliau terselamat kerana berjaya melarikan diri ke Byzantine tetapi mengalami kecederaan sehingga mengakibatkan matanya buta. Pengalaman beliau sangat berguna hingga beliau menjadi penasihat kepada Maharaja Alexios Komnenos (maharaja selepas Romanus IV).

Andronikos Dukas diceritakan sebagai seorang yang berani dan mahir dalam bidang ketenteraan, terutama di bahagian taktikal. Akan tetapi beliau tidak digemari oleh Romanus IV atas sebab yang tertentu. Dukas berasal daripada keluarga yang ternama di Byzantine, beberapa ahli keluarganya pernah memegang jawatan tertinggi dalam Kerajaan Byzantine, termasuk sepupunya Michael VII seorang maharaja. Dukas ialah seorang yang mahir berpolitik dalam Kerajaan Byzantine dan seorang pakar dalam bidang ketenteraan, khidmat baktinya amat diperlukan dalam kerajaan. Semasa perang meletus, beliau berjaya melarikan diri ketika tenteranya ramai yang telah mati dalam medan pertempuran. Beliau meninggal dunia pada tahun 1077 kerana kecederaan yang dialami selepas dikalahkan oleh puak pemberontak.

Theodore Alyates merupakan seorang tentera senior Cappadocian. Tidak banyak catatan berkenaan kejayaan dan biografi sebelum Perang Manzikert berlaku. Beliau juga antara panglima perang yang berjaya menyelamatkan diri daripada ditawan tentera Saljuq. Alyates sangat setia kepada Romanus, semasa rampasan kuasa dibuat oleh pemerintah selepas Romanus, beliau cuba untuk membantu Romanus tetapi gagal sehingga nasibnya sama seperti Romanus. Beliau telah dihukum penjara dan dibutakan mata di Dokeia (Nicolle, 2013).

Nikephoros Basilakes merupakan panglima kanan tentera Byzantine berasal dari wilayah Armenia. Beliau merupakan seorang ternama di wilayah Theodosiupolis dan mempunyai sifat yang sangat berani tetapi gelojoh. Sikapnya yang gelojoh menyebabkan beliau telah ditawan oleh tentera Saljuq pada permulaan Perang Manzikert. Nikephoros dibebaskan oleh Alp Arslan dan kembali menjadi pemerintah di kota Dyrrhachium, wilayah Albania. Nasibnya sama seperti panglima perang lain, beliau telah memberontak semasa pemerintahan Maharaja Alexios menyebabkan beliau dihukum dengan dibutakan matanya.

Roussel de Bailleul memulakan karier sebagai tentera upahan dari wilayah Norman. Beliau menjadi semakin kaya kerana ramai tokoh menggunakan khidmat beliau di Byzantine. Reputasinya semakin melonjak semasa di bawah Panglima Robert Guiscard yang berada di selatan Itali dan Sicily. Tambahan pula, beliau pernah dihantar berperang ke wilayah Balkan dan Anatolia sehingga menjadi tentera

elit kerajaan Norman. Semasa Perang Manzikert, beliau berjaya mempertahankan bahagian Kastamoni tetapi sikapnya yang tidak menyebelahi tentera Byzantine semasa berperang telah dilaporkan kepada Maharaja Alexios. Ini menyebabkan beliau diisytiharkan sebagai pemberontak dan ditangkap. Selepas itu Maharaja Alexios membebaskan beliau dan diperintahkan untuk menentang pemberontakan Nikephoros Bryennios di Balkan (Nicolle, 2013).

4.4 Persitiwa Perang Manzikert 1071

Pada 6 Ogos 1071, dua pihak tentera telah bertemu di antara Ahlat dan Manzikert, bahagian utara tasik Van. Alp Arslan berkata kepada tenteranya bahawa dia menyerahkan segalanya pada hari berkenaan kepada Allah SWT untuk memberi kegembiraan atas kemenangan dalam perang atau syahid. Selepas melihat tentera Byzantine berbaris dan dibahagikan kepada empat kumpulan, Alp Arslan telah membentuk tenteranya dengan bentuk sebuah bulan sabit yang sangat lebar. Alp Arslan memanfaatkan kawasan yang lapang dengan menyusun formasi seperti ini agar tenteranya tidak dikepung oleh tentera Byzantine dari mana-mana arah. Tambahan pula, tentera Byzantine bergerak dalam keadaan yang agak perlahan kerana mempunyai pelbagai jenis tentera bersama mereka (berkuda, berperisai, pejalan kaki dan pemanah). Selain itu, tentera Saljuq semuanya tentera berkuda atau disebut sebagai *light cavalry*. Tentera ini membawa pelbagai senjata dan boleh bergerak pantas. Alp Arslan telah membentuk satu kumpulan tentera untuk menyerang hendap tentera musuh dan angkatan tentera ini tiada di formasi bulan sabit, tetapi berada di bahagian belakang kem tentera Saljuq (Nicolle, 2013; Schloemer, 2021).


Semasa perang sedang berlangsung, tentera Byzantine telah dihujani dengan panahan daripada tentera Saljuq, yang menyebabkan beberapa kumpulan tentera Byzantine mula berpecah dan bergerak pantas untuk mengejar tentera Saljuq, manakala yang lain masih lagi berada dalam formasi. Apabila tentera Saljuq menyerang dan berundur ke belakang, formasi tentera Byzantine semakin berjauhan dengan kumpulan yang lain menyebabkan kumpulan penyerang hendap tentera Saljuq mudah untuk menumpaskan ramai tentera Byzantine. Alp Arslan dan tenteranya bertahan hingga hampir ke senja menyebabkan penglihatan semakin kabur disebabkan debu-debu. Romanus IV juga menyedari keadaan semakin gelap dan memerintahkan tenteranya untuk berundur ke kem mereka.

Akan tetapi semasa isyarat bendera diberikan, panglima tentera Byzantine di bahagian belakang, iaitu Andronikos tersalah tafsir dengan isyarat yang diberikan. Dia menyangkakan Romanus IV telah terbunuh semasa berperang menyebabkan berita kematian Romanus IV mula tersebar. Perkara ini menyebabkan panglimanya dan tentera upahan telah melarikan diri menuju ke Konstantinopol. Tentera Byzantine yang berada di barisan hadapan tidak boleh berbuat apa, mereka cuba untuk membantu Romanus IV, tetapi asakan daripada tentera Saljuq semakin agresif hingga Romanus IV berjaya ditawan. Romanus IV pula tercedera kerana terjatuh dari kuda dan tangannya juga terluka. Kejayaan tentera Saljuq menawan Romanus IV telah menyebabkan peperangan dihentikan dan tentera Byzantine yang berada di barisan hadapan telah menyerah kalah (Nicolle, 2013; Schloemer, 2021).

Romanus IV dan tenteranya telah ditahan di kem tentera Saljuq selama beberapa hari untuk memberikan ruang kepada semua untuk berehat. Semasa di kem, bukan sahaja tentera Saljuq yang tercedera daripada perang dirawat, malah tentera Byzantine dan Romanus IV sendiri telah dirawat oleh tentera Saljuq. Selepas keadaan tenteram dan pulih, Alp Arslan memanggil Romanus IV yang berada di tahanan untuk hadir ke khemahnya. Beliau mengkritik Romanus IV kerana menolak perjanjian perdamaian yang telah ditawarkan sebelum perang bermula. Romanus IV tidak dapat menerima perjanjian tersebut kerana beliau telah menghabiskan banyak wang untuk mencapai matlamatnya. Romanus IV meminta supaya Alp Arslan melepaskan beliau bersama tenteranya supaya boleh pulang ke Konstantinople.

Alp Arslan sudah menjangkakan permintaan yang akan diminta Romanus IV dan Alp Arslan bersetuju dengan syarat Romanus IV membayar wang dengan jumlah 10,000,000 syiling emas untuk membebaskan dirinya dan tentera yang ditawan. Romanus IV tidak mampu memberikan wang yang diminta kerana terlalu tinggi, tetapi beliau berjanji untuk memberikan sejumlah wang yang besar kepada kerajaan Saljuq pada setiap tahun. Alp Arslan bersetuju untuk menerima permintaan Romanus IV dengan membayar 10,000 dinar emas, menyerahkan Antioch, Edessa, Manbij, membebaskan tentera Saljuq yang ditawan dan memberi bantuan ketenteraan sekiranya Kerajaan Saljuq memerlukan (Nicolle, 2013; Kamaruzaman et al., 2015).

Kemenangan Alp Arslan dan tentera Saljuq dalam Perang Manzikert memberi tamparan hebat kepada dunia Eropah lebih-lebih lagi kepada kerajaan Byzantine kerana kerajaan tersebut telah menghabiskan banyak belanja untuk menjayakan ekspedisi tersebut. Tambahan pula, Kerajaan Byzantine secara beransur-ansur semakin lemah sejak kekalahan tersebut berikutan keadaan politik yang semakin bergolak kerana faktor dalaman. Manakala bagi pihak tentera Saljuq pula, khalifah dan seluruh umat Islam meraikan kejayaan tersebut dengan kesyukuran selepas mendapat perkhabaran Alp Arslan berjaya mengalahkan tentera Byzantine.



Rajah 1. Susur galur keluarga dan pemerintah Kerajaan Saljuq
Sumber: Peacock (2015)

| Historian | Approximate date of death | Size of Byzantine army | Page number in Hillenbrand, 2007 |
|------------------------|---------------------------|------------------------|----------------------------------|
| Aqsara'i | 1333 | 50,000 | 96 |
| Rashid al-Din | 1318 | 100,000 | 260 |
| Ibn al-Athir | 1233 | 200,000 | 64 |
| Ibn al-Azraq al-Fariqi | 1177 | 300,000 | 34 |
| Ibn al-Jawzi | 1200 | 300,000 | 38 |
| Nishapuri | 1187 | 300,000 | 36 |
| Sibt ibn al-Jawzi | 1256 | about 300,000 | 69 |
| al-Husayni | 1225 | over 300,000 | 53 |
| al-Bundari | 1226 | 300,000 | 59 |
| Rawandi | early 13th c. | 600,000 | 259 |
| al-Turtushi | 1126 | 600,000 | 27 |
| Ibn al-Qalanisi | 1160 | 600,000 | 30 |

Rajah 2. Bilangan tentera Byzantine dalam Perang Maznikert menurut sejarawan Arab

Sumber: Murgatroyd (2012)

5.0 KESIMPULAN

Kekuasaan Kerajaan Saljuq bertambah kuat di Timur Tengah sejak Tughril Beg berjaya menghalau keluar golongan Banu Buwayh dan menguasai pemerintahan Kerajaan Abbasiyyah di Baghdad. Dengan ketiadaan khalifah berkuasa mutlak, Kerajaan Saljuq boleh menyusun segala bentuk percaturan dalam pentadbiran mengikut kehendak mereka. Walaupun Kerajaan Abbasiyyah tidak memfokuskan kepada ketenteraan sepanjang kerajaan itu wujud, Kerajaan Saljuq khususnya pada zaman pemerintahan Alp Arslan menjadi benteng pertahanan kepada Kerajaan Abbasiyyah. Alp Arslan yang menjadi sultan bermula pada tahun 1063 hingga 1072 memfokuskan kepada usaha meluaskan wilayah Kerajaan Saljuq di sekitar Timur Tengah dan dibantu oleh *wazirnya* yang sangat licik dalam membuat keputusan, iaitu Nizam al-Mulk. Usaha beliau semasa Alp Arslan sedang mara dan mengumpulkan tentera untuk menghadapi kemaraan tentera Byzantine dianggap licik serta menjadi faktor kepada kemenangan tentera Islam.

Pemergian Alp Arslan pada tahun 1072 diratapi oleh orang Islam dengan pelbagai ucapan takziah diterima oleh Kerajaan Saljuk. Ini membuktikan ketokohan Alp Arslan tidak boleh dinafikan lagi, pemergian beliau memberi tamparan hebat kepada pemerintahan Islam yang terdapat pada masa tersebut. Perang Manzikert yang melibatkan tentera Islam dan tentera Byzantine ialah antara peperangan termasyhur dalam sejarah ketenteraan dan tamadun Islam. Tentera Islam terpaksa mendepani angkatan tentera Byzantine yang amat ramai. Namun dengan perancangan dan percaturan bijak Alp Arslan selaku pemimpin perang tersebut berjaya mengucar-ngacirkan pihak lawan sehingga maharaja Byzantine berjaya ditawan.

Penghargaan

Makalah ini ialah sebahagian daripada hasil kajian Kumpulan Penyelidikan 'Sejarah Ketenteraan dan Tamadun Islam' (SAKTI) menerusi Geran Universiti Penyelidikan GUP-2022-033, Universiti Kebangsaan Malaysia dan juga Dana Intensif Penerbitan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sumbangan Pengarang

Aziz, R. M. I. R. A., Jamsari, E. A., Sulaiman, A. dan Noh, N. C. Pengenalan, perbincangan penyusunan idea, semakan gaya bahasa dan penyuntingan draf akhir; penyediaan keseluruhan artikel dilaksanakan secara kolektif.

Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisytiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

RUJUKAN

- 'Abd al-Na'im, Muhammad Hasanayn. (1970). *Salajiqat Iran wa al-'Iraq*. al-Qahirah: Maktabat al-Nahdah.
- Ahmad, D. (1975). *Ikhtisar Perkembangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bakar, I. (2001). *Kemelut Politik dalam Zaman Umawi dan 'Abbasi*. Bangi: Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bosworth, C.E. (2015). *The Later Ghaznavids: Splendour and Decay*. New Delhi: Munshiram Manoharlal Publishers
- Bulliet, R. W. (1973). Political-religious history of Nishapur in the eleventh century. Dlm. Richards, D. S. (pnyt.). *Papers on Islamic Civilisation 950-1150*, hlm 71-91. Oxford: Bruno Cassirer Ltd.
- Deluigi, H. C. H. (2015). Winter in the land of Rum: Komnenian defenses against the Turks in western Anatolia. Tesis Sarjana. Department of Archaeology, Ihsan Dogramaci Bilkent University, Ankara.
- Hasan, Salih Ramadan. (2011). Futuhat al-Dawlah al-Saljuqiyyah fi 'ahd al-Sultan Alb Arslan 455-465H/1063-1072M. *Majalat Abhath al-Tarbiyyah al-Asasiyyah*, 11(2), 378-402.
- Hasan, Salih Ramadan. (2012). al-Siyasah al-dakhiliyyah li al-Sultan Alb Arslan al-Saljuqi. *Majalat al-Tarbiyyah wa al-'Ilm*, 19(4), 119-141.
- Hitti, P. K. (1972). *History of the Arabs*. Jil. 10. London: Macmillan Press.
- Hodgson, M. G. S. (1974). *The Venture of Islam, Conscience and History in a World Civilization: The Expansion of Islam in the Middle Periods*. Jil. 2. Chicago & London: The University of Chicago Press.

- Ibn al-Athir, Abu al-Hasan 'Ali ibn Muhammad. (1987). *al-Kamil fi al-Tarikh*. Jil. 8. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida' Isma'il ibn Umar. (1998). *al-Bidayah wa al-Nihayah*. Tahqiq oleh al-Turki, 'Abd Allah ibn 'Abd al-Muhin. Riyad: Dar Hijr li al-Tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi' wa al-I'lan.
- Islam, A. (2012). The rise of the Seljuqs and their state in Central Asia. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences*, 6(12), 410-417.
- Ismail, D. (2014). *Inhiyar wa Suqut al-Khilafah al-'Abbasiyyah*. Kuala Terengganu: Penerbit UniSZA.
- Kesik, M. (2014). How was Sultan Alp Arslan killed. *Turkiat Mecmuasi*, 24, 99-120.
- Klausner, C. L. (1973). *The Seljuk Vezirate: A Study of Civil Administration 1055-1194*. Massachusetts: Harvard University Press.
- Luther, K. A. (2012). *Encyclopedia Iranica*. Jil. 8-9. <https://www.iranicaonline.org/articles/alp-arслан-saljuq-sultan> [diakses pada 7 September 2022].
- Murgatroyd, P. S. (2012). Medieval warfare on the grid. Tesis Doktor Falsafah. Institute of Archaeology and Antiquity, College of Arts and Law, The University of Birmingham.
- Nicolle, D. (2013). *Manzikert 1071: The Breaking of Byzantium*. London: Osprey Publishing.
- Peacock, A. C. S. (2015). *The Great Seljuk Empire*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Saunders, J. J. (1965). *A History of Medieval Islam*. London: Rautledge & Kegan Paul.
- Schloemer, C. (2021). "That dreadful day": The Battle of Manzikert. *The Saber and Scroll Journal*, 10(1), 91-110.
- Schnyder, R. (1973). Political centres and artistic powers in Seljuq Iran. Dlm. Richards, D. S. (pnyt.). *Papers on Islamic Civilisation 950-1150*, hlm. 201-209. Oxford: Bruno Cassirer Ltd.
- Sulaiman, W. H. W. (2014). Inovasi sains dan teknologi era 'Abbasi pada zaman pemerintahan Banu Saljuq (429H/1038M-656H/1258M). Disertasi Sarjana. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Vratimos, A. (2019). Romanos IV Diogenes' attitude towards his troops. *Mediterranean Journal of Humanities*, 9(2), 529-537.
- Yahya, M. & Halini, A. J. (1993). *Sejarah Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Yusoff, K., Mohammed, S. L. A., Ebrahimi, M. & Enh, A. M. (2015). Preparation the Battle of Manzikert in 1071 A.D. and its consequences to the Byzantine Empire. *UMRAN Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 1, 1-7.
- Zaporozhets, V. M. (2012). *The Seljuks*. Hannover: Doring.